

03/04/1997

5,000 dijangka sambut PM

Azman Mahmood

KOTA BHARU, Rabu - Kira-kira 5,000 orang akan menyambut ketibaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa, dekat sini, sempena lawatan ke Kelantan, Jumaat ini.

Mereka adalah daripada pelbagai lapisan masyarakat termasuk pemimpin Barisan Nasional (BN) negeri.

Perdana Menteri yang dijangka tiba jam 8.45 pagi dengan pesawat khas akan disambut dengan majlis doa selamat dan menerima cenderahati daripada beberapa pemimpin masyarakat sebagai tanda penghargaan dan tahniah di atas penerimaan Anugerah Antarabangsa Raja Malik Faisal 1997 kerana sumbangannya kepada Islam.

Pengerusi jawatankuasa sambutan, Datuk Mohd Rozali Isohak, berkata sehari sebelum ketibaan Perdana Menteri, iaitu malam Khamis satu majlis forum hal ehwal semasa bagi membincangkan pengiktirafan kerajaan Arab Saudi yang memberi anugerah berkenaan.

"Ini adalah antara atur cara awal yang disusun BN Kelantan sebagai tanda penghargaan kepada Perdana Menteri," katanya dalam sidang akhbar di pejabat Umno negeri, di sini hari ini.

Perdana Menteri yang membuat lawatan kerja sehari ke Kelantan juga dijangka disambut Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra.

Antara acara lain ialah, Dr Mahathir akan merasmikan kilang dan menyaksikan majlis menandatangani Perjanjian Persefahaman (MOU) dengan sektor swasta di negeri ini.

Perdana Menteri juga dijadualkan menyaksikan majlis menandatangani perjanjian antara KUB Malaysia Berhad dengan kerajaan Pas Kelantan bagi pembinaan projek petrokimia di Pantai Senok, Bachok sejurus tiba di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra.

Ditanya mengenai Perdana Menteri yang dikatakan akan menemui Sultan Kelantan sempena lawatan itu, Mohd Rozali yang juga Ketua Penerangan BN Kelantan berkata, perkara itu tidak ada dalam program yang diatur BN.

Bagaimanapun, katanya BN berbangga jika Perdana Menteri menghadap sultan kerana akan wujud satu hubungan lebih erat antara kerajaan Pusat dengan Istana Kelantan.

"Jika ada majlis menghadap Sultan, ini sesuatu yang bersejarah bagi rakyat Kelantan dan BN sendiri.

"Ini secara tidak langsung mengetepikan tuduhan mana-mana pihak terhadap hubungan baik antara dua pihak yang sebenarnya terjalin erat sebelum ini," katanya.

(END)